Headline	Program bakti RM750,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	45
ArticleSize	357 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,191		

Program bakti RM750,000

TNB baiki 25 rumah menerusi projek mesra rakyat

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan RM750,000 untuk membaiki 25 rumah di seluruh Semenanjung tahun ini menerusi projek mesra rakyat yang menyasarkan golongan kurang berkemampuan.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Pembahagian TNB A Sivanas berkata, setiap rumah diperuntukkan sebanyak RM30,000 menerusi projek itu termasuklah dua rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diduduki M Vejaya Lechumany di Kampung Pandan dan Liew Wai Keong di Jinjang Utara.

"Untuk rumah Vejaya, TNB membuat tinjauan pada Mac lalu dan selepas melihat syarat serta kriteria ditetapkan, pihak kami bersetuju membaik pulih kediamannya pada pertengahan Mei lalu," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan projek mesra rakyat TNB peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Kampung Pandan, semalam.

Projek mesra rakyat antara program tanggungjawab sosial korporat TNB bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan termasuk penduduk miskin, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya.

Projek itu dilaksanakan susulan saranan kerajaan supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti TNB turut membantu kerajaan membaiki kediaman mereka yang tidak berkemampuan. Sejak 2012, TNB sudah membaik pulih 92 rumah.

Sementara itu, Vejaya, 62, melahirkan kegembiraannya kerana rumahnya kini dalam keadaan lebih baik. Penghidap kanser payudara itu berkata, dia tidak mampu membiayai kos membaik pulih rumahnya dan mengharapkan bantuan kerajaan serta badan bukan kerajaan untuk meneruskan kehidupan seharian. – BERNAMA

FAKTA

Projek mesra rakyat adalah program tanggungjawab sosial korporat TNB ringankan beban golongan kurang mampu

Powered by: iSENTIA

Headline	Program bakti RM750,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	45
ArticleSize	357 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 42,191		

VEJAYA dan anaknya S Paramaananthan di hadapan rumah mereka yang sudah dibaik pulih.

AHLI Lembaga Pengarah TNB Datuk A Sakthivel (kiri) dan Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin (kanan) melihat pelan rumah Vejaya.

Powered by: iSENTIA